

Private & Confidential. Not For Circulation. For CTIM Members Only.
IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

JABATAN OPERASI CUKAI MENARA HASIL, ARAS 12 PERSIARAN RIMBA PERMAI CYBER 8, 63000 CYBERJAYA SELANGOR

Telefon Faks : 03-83138888 : 03-83137853

: 03-83137854

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Ruj. Tuan

Ruj. Kami

: LHDN.AL. 100-11/2/15

*Tarikh* : **2 §** Jun 2023

#### Presiden

### Malaysian Employers Federation (MEF)

3A06-3A07, Blok A
Pusat Dagangan Phileo Damansara II
No. 15, Jalan 16/11, Seksyen 16
46350 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
mef-hq@mef.org.my

#### Pengarah Eksekutif

# Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)

B-13-1 Block B (Unit 1-5), 13th Floor, Megan Avenue II 12, Jalan Yap Kwan Seng 50450 Kuala Lumpur

secretariat@ctim.org.my; technical@ctim.org.my

## Pengarah Eksekutif

# Malaysian Institute of Accountants (MIA)

Dewan Akauntan
Unit 33-01, Level 33, Tower A, The Vertical, Avenue 3
Bangsar South City, No. 8 Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur
mia@mia.org.my

#### Pengarah Eksekutif

# Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)

15, Jalan Medan Tuanku 50300 Kuala Lumpur

technical@micpa.com.my; micpa@micpa.com.my

#### Presiden

# Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (M.A.T.A.)

Pejabat Sekretariat MATA
27-1, Blok 1D Jalan Wangsa Delima 12
Wangsa Link, Pusat Bandar Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur
mata@mata.org.my



#### Presiden

# Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)

No. 57, The Boulevard, Mid Valley City Lingkaran Syed Putra 59200 Kuala Lumpur maicsa@maicsa.org.my

#### Presiden

## Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)

Unit A608, Block A, Tingkat 6 Kelana Square, No. 17, Jalan SS7/26, Kelana Jaya 47301 Petaling Jaya, Selangor macs@macs.org.my

#### Presiden

#### Institute of Cooperative & Management Accountants (ICMA)

14, Mez. Floor, Jalan Zirkon E7/E, Seksyen 7 40000 Shah Alam, Selangor theicma@yahoo.com

#### **CPA Australia**

Suite 10.01, Level 10, The Gardens South Tower
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur
Francine.Roy@cpaaustralia.com.au; my@cpaaustralia.com.au

#### Bekas Pegawai Hasil

Unit 19A-23-5, Business Suite, OUA Centre 19, Jalan Pinang 50450 Kuala Lumpur exrevenue@gmail.com

#### Association of Inland Revenue Alumni (AIRA)

18, Jalan Hijau Alam U9/14F, Cahaya SPK 40150 Shah Alam Selangor airaxhasil@gmail.com



YBhg. Datuk Dr. / Datuk / Dato' / Prof Dr. / Dr. / Tuan / Puan,

# PEMAKLUMAN KEPERLUAN PENGEMUKAAN BORANG CP22A / CP22B / CP21 DAN PENGHANTARAN BORANG PEMBERITAHUAN BERKAITAN PEKERJA OLEH MAJIKAN SECARA DALAM TALIAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- 2. Peruntukan di bawah Seksyen 83(3), Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) mengkehendaki setiap majikan yang akan berhenti daripada menggaji pekerja yang boleh atau berkemungkinan dikenakan cukai pendapatan untuk mengemukakan pemberitahuan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) tidak kurang daripada 30 hari sebelum pekerja tersebut berhenti.
- 3. Walau bagaimanapun, majikan tidak perlu mengemukakan pemberitahuan berkenaan sekiranya pendapatan seseorang pekerja tertakluk kepada Potongan Cukai Bulanan (PCB) atau jika saraan bulanan pekerja adalah di bawah amaun minimum yang layak dikenakan PCB. Sila rujuk Jadual di perenggan 6 (i) dan 6 (ii) sebagai panduan kepada majikan untuk tujuan pengemukaan Borang CP22A/CP22B dan CP21 kepada LHDNM.
- 4. Selain itu, menurut Seksyen 83(4), majikan adalah bertanggungjawab memberi notis tentang pekerja yang akan meninggalkan Malaysia bagi tempoh tiga (3) bulan atau lebih dengan mengemukakan pemberitahuan melalui Borang CP21. Pemberitahuan ini mestilah dibuat tidak kurang daripada 30 hari sebelum tarikh pekerja tersebut dijangka akan meninggalkan Malaysia. Akan tetapi sekiranya pemergian pekerja tersebut adalah bagi tempoh yang kerap dalam perjalanan penggajiannya, maka majikan tidak perlu mengemukakan pemberitahuan tersebut.



- 5. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah mengemas kini panduan umum kepada majikan di Portal Rasmi LHDNM bagi membantu majikan menentukan keperluan untuk mengemukakan pemberitahuan berkaitan pekerja melalui Borang CP22A / CP22B / CP21.
- 6. Jadual di bawah adalah panduan umum kepada majikan bagi menentukan keperluan pengemukaan Borang CP22A / CP22B / CP21. Panduan penuh boleh dicapai melalui pautan <a href="https://www.hasil.gov.my/majikan/penamatan-perkhidmatan/">https://www.hasil.gov.my/majikan/penamatan-perkhidmatan/</a>.

#### i. Borang CP22A / CP22B

			Kes Per	dapatan Tahunan	Periu Kemukakan Borang Pemberitahuan?				
_		Pendapatan Tahunan Pekerja Tertakluk Cukai	Keadaan 1					Keadaan 2	
Bil	Jenis Penamatan Perkhidmatan		Pendapatan Bulanan Kurang Daripada Amaun Minimum Yang Tertakluk Kepada PCB	Majikan Tahu Pekerja Akan Terus Bekerja ?	Majikan telah buat Potongan PCB Sepatutnya	Majikan Tahu Pekerja Akan Terus Bekerja ?	Pekerja Warganegara	Pekerja Warga Asing	Jenis Borang (Jika Ya)
	Letak Jawetan / Ditamatkan Perkhidmetan	Tidak					Tidak	Tidak	
3		Ya	Ya	Ya			Tidak	Ya	CP22A / CP22B
1		Ya	Ya	Tidak			Ya	Ya	CP22A / CP22B
		Ya			Ya	Ya	Tidak	Ya	CP22A / CP22B
		Ya			Ya	Tidak	Ya	Ya	CP22A / CP22B
		Ya	TY-		Tidak	Ya / Tidak	Ya	Ya	CP22A / CP22B
2	Bersara / Meninggal Dunia	Tidak					Tidak	Tidak	
		Ya					Ya	Ya	CP22A / CP22B

#### ii. Borang CP21

	Pendapatan	Kes Pendapatan Tahunan Pekerja Tertakluk Cukai		
Senario Pekerja	Tahunan Pekerja Tertakluk Cukai	Dikehendaki Bertugas Diluar Negara Secara Kerap Oleh Majikan ?	Perlu Kemukakan Borang Pemberitahuan?	Jenis Notis (Jika Ya)
	Tidak		Tidak	
Meninggalkan Malaysia Lebih 3 Bulan		Ya (Dengan Kelulusan HASIL)	Tidak	
Charles Andreas	Ya	Tidak	Ya	CP21



7. Adalah dimaklumkan bahawa LHDNM juga telah menyediakan perkhidmatan secara dalam talian di Portal MyTax LHDNM bagi tujuan pengemukaan Borang CP22A / CP22B / CP21 berkaitan pekerja oleh majikan seperti berikut:

Aplikasi	Fungsi	Kaedah pengemukaan		
e-SPC	Penghantaran Borang Pemberitahuan Pemberhentian Kerja (Swasta) – CP22A	<ul> <li>i. Input web form</li> <li>ii. Muat naik format fail *.txt (terhad 3MB)</li> <li>- Data kelompok</li> <li>- Susun atur seperti Lampiran 1</li> </ul>		
	Penghantaran Borang Pemberitahuan Pemberhentian Kerja (Kerajaan) – CP22B	<ul> <li>i. Input web form</li> <li>ii. Muat naik format fail *.txt (terhad 3MB)</li> <li>- Data kelompok</li> <li>- Susun atur seperti Lampiran 2</li> </ul>		
	Penghantaran Borang Pemberitahuan Oleh Majikan Bagi Pekerja Yang Hendak Meninggalkan Malaysia – CP21	i. Input web form		

- 8. Aplikasi e-SPC boleh diakses melalui Portal MyTax di pautan <a href="https://mytax.hasil.gov.my">https://mytax.hasil.gov.my</a> > Perkhidmatan ezHasil > e-SPC. Majikan boleh merujuk kepada format Susun Atur Maklumat seperti yang dilampirkan bersama-sama surat ini bagi tujuan penyediaan Borang CP22A / CP22B / CP21 yang diperlukan.
- 9. Sejajar dengan transformasi pendigitalan perkhidmatan LHDNM, mulai 1 Januari 2024, LHDNM akan mewajibkan penggunaan perkhidmatan dalam talian seperti e-Filing, e-SPC dan aplikasi lain sebagai medium perkhidmatan utama bagi urusan percukaian yang berkenaan. Sehubungan itu, pihak kami sangat berbesar hati sekiranya pihak persatuan dapat memaklumkan dan menggalakkan penggunaan aplikasi perkhidmatan dalam talian LHDNM di kalangan ahli bagi melaksanakan urusan percukaian majikan.

- 10. Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada kami melalui:
  - a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
  - b) HASiL Chat di MyTax; dan
  - c) Borang Maklum Balas Pelanggan di Portal Rasmi LHDNM di pautan pantas https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(SHAHARRUDY)OTHMAN)

Pengarah

Jabatan Operasi Cukai

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia